

30/05/2002

Bosnia hargai bantuan Malaysia

Norhanim Basiran

KETUA Ulama Bosnia Hezergovina, Dr Mustafa Ef Ceric, mengadakan lawatan ke Malaysia baru-baru ini sebagai tanda penghargaan kepada kerajaan Malaysia yang banyak membantu mereka dalam beberapa bidang terutama pendidikan dan ekonomi.

Dr Mustafa yang hadir bersama dengan Duta Bosnia di Malaysia, Hajrudin Somun, dalam satu sidang akhbar yang berlangsung di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mengucapkan terima kasih kepada Malaysia dan Datuk Seri Dr Mahathir Muhammad atas bantuan yang tidak putus-putus diterima oleh negaranya.

"Kita masih memerlukan bantuan dan doa daripada kerajaan Malaysia yang banyak membantu kita seperti memberi kemudahan untuk pelajar kita belajar di sini," katanya di Gombak, Kuala Lumpur.

Hadir sama dalam sidang akhbar berkenaan ialah Presiden UIAM, Tan Sri Sanusi Junid dan Rektornya, Prof Dr Mohd Kamal Hassan.

Dr Mustafa juga memuji keperihatinan Duta Malaysia di Bosnia yang sering mengadakan lawatan ke beberapa tempat di Bosnia untuk mengetahui perkembangan kawasan berkenaan.

Antaranya ialah di Korigy, kawasan yang dulunya dikuasai oleh Serbia dan kini dibangunkan semula.

Ketika ditanya tentang sistem pembelajaran di sana, Mustafa berkata, setakat ini, sistem pembelajaran di Bosnia lebih menekankan ke arah membantu pelajar membina sahsiah diri memandangkan mereka lebih banyak terdedah dengan pelbagai cabaran baru terutamanya selepas perang.

Katanya, Bosnia bukanlah sebuah negara Islam namun mereka mempunyai cara yang tersendiri dalam mendidik masyarakat Islam untuk mendalami ajaran itu.

Beliau menambah, Bosnia kini boleh berbangga dengan jumlah hafiz Quran yang agak ramai namun, kekurangan tenaga pakar dalam bidang lain perlu diatasi.

"Dengan penghantaran pelajar Bosnia untuk belajar di UIAM, kami berharap agar bilangan mereka yang mahir dalam bidang penting seperti kejuruteraan, ekonomi dan pembangunan manusia akan bertambah dan seterusnya membantu dalam pemulihan dan pembangunan semula Bosnia," katanya.

(END)